

KENYATAAN AKHBAR

TINDAKAN OPERASI IKLAN TANPA LESEN DI PETALING JAYA.

Pihak Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menjalankan Operasi Bersepadu Iklan Tanpa Lesen di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tempoh 1 Januari hingga 3 September 2013.

Hasil operasi yang telah dijalankan, sejumlah 173,811 unit iklan, bunting dan banner tanpa lesen telah berjaya diturunkan dan tindakan operasi ini akan dilaksanakan secara berterusan bagi membanteras sepenuhnya iklan, bunting dan banner haram ini.

Penurunan ini dilaksanakan bagi memastikan persekitaran Bandaraya Petaling Jaya berada di dalam keadaan bersih seiring dengan visinya iaitu "Petaling Jaya Bandaraya Peneraju, Dinamik Dan Lestari".

Berikut adalah statistik tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan dari Januari sehingga 3 September 2013:

BIL	JENIS PENGIKLANAN	TINDAKAN	
1	BANNER	4,311	
2	BUNTING	34,382	
3	PAPAN IKLAN KECIL	LORI SEWA	26,490
		BUNTING AHLONG	394
		PELEKAT AHLONG	-
4	IKLAN PARTI POLITIK	BENDERA	6,930
5	IKLAN KECIL PINJAMAN WANG		30,248
6	IKLAN KECIL RUMAH		24,715
7	BUNTING POLITIK		23,152
8	LAIN-LAIN		23,189
JUMLAH			173,811

Dikeluarkan oleh,

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my